

RM500 diagih berperingkat

EH 3/2

Mangsa bah di Kota Tinggi terima wang ihsan daripada TPM hari ini

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim
dan Abdul Razak Raaff

PONTIAN: Mangsa banjir di daerah Kota Tinggi yang paling teruk dilanda bencana itu pada Disember dan Januari lalu, akan menerima sumbangan wang ihsan RM500 hari ini.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata Timbalan Menteri Perdana, Datuk Seri Najib Razak akan melawat daerah itu untuk menyampaikan sumbangan kepada 7,000 keluarga di daerah berkenaan, manakala penerima lain di Johor diagihkan berperingkat.

"Kita cadangkan pemberian wang ihsan dilakukan di pusat pemindahan banjir di mana mangsa banjir ditempatkan sebelum ini bagi memudahkan urusan pengagihan," katanya pada majlis pertemuan dengan wakil rakyat, penghulu, ketua kampung, ketua masyarakat daerah Pontian, di sini semalam.

Abdul Ghani turut menerima sumbangan wang tunai RM500,000 daripada Malakoff Bhd yang disampaikan Pengerusinya, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Beliau turut menerima sumbangan RM200,000 daripada Southern

Waste Management Sdn Bhd, yang disampaikan Pengarah Eksekutifnya, Dr Uzir Abdul Malik serta RM10,000 daripada Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) oleh Presidennya, Ismail Nihat.

Sementara itu, di **KUALA LUMPUR**, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kementerian sudah mendapat peruntukan RM350 juta untuk membaiki jalan, jambatan dan cerun yang rosak akibat banjir di seluruh negara, terutama di Johor, negeri yang paling buruk dilanda bencana itu.

Katanya, peruntukan tambahan di-

FAKTA NOMBOR

Sumbangan kepada mangsa banjir

RM500,000

Daripada Malakoff

RM200,000

Daripada Southern Waste Management Sdn Bhd

luluskan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang mengarahkan Jabatan Kerja Raya menyetujui kerja pembaikan.

Katanya, pada peringkat awal, kementerian hanya menerima RM92 juta tetapi ditambah kepada RM180 juta, RM272 juta dan terakhir sehingga RM350 juta.

"Peringkat pertama membaiki kerosakan kemudahan mengambil masa empat bulan untuk disiapkan. Peringkat kedua pula membina semula beberapa cerun dan jambatan rosak ambil masa 18 bulan," katanya selepas merasmikan pembukaan kedai tekstil di sini, semalam.